

| | |
|-----------|-----------------|
| Newspaper | UTUSAN MALAYSIA |
| Date | 27 JULY 2017 |

Pakatan Harapan tubuh suruhanjaya bebas siasat Dr. M


UM- 27/7/2017 pg. 13

KUALA LUMPUR 26 Julai - Ketua Pembangkang, Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail tidak menolak kemungkinan untuk menubuhkan sebuah suruhanjaya siasatan bebas bagi menyiasat dakwaan salah laku pada zaman pentadbiran Tun Dr. Mahathir Mohamad sepanjang 22 tahun menjadi Perdana Menteri.

Wan Azizah bagaimanapun berkata, langkah itu hanya dapat dilaksanakan jika Pakatan Harapan yang diketuai DAP menyalahkan Barisan Nasional (BN) dalam Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14).

"Kami akan lakukan apa yang negara perlukan, malah Dr. Mahathir sendiri telah memberi pandangannya mengenai penubuhan suruhanjaya siasatan bebas.

"Walau apa pun, bagi kita menang PRU-14 terlebih dahulu, selepas itu kita akan siasat semua termasuk 1Malaysia Development Berhad (1MDB). Mengapa hanya mahu memberi tumpuan terhadap isu kerugian urus niaga mata wang asing Bank Negara Malaysia (BNM) sahaja," katanya



DR. MAHATHIR



WAN AZIZAH

dalam sidang akhbar di bangunan Parlimen, hari ini.

Beliau berkata demikian ketika mengulas mengenai tuntutan kumpulan aktivis, Otai Reformasi 1998 agar Pakatan Harapan menyetujui penubuhan suruhanjaya keamanan dan keadilan yang akan menyiasat dakwaan terhadap Dr. Mahathir dalam manifesto PRU-14 pakatan berkenaan.

Kumpulan aktivis itu turut menolak kepemimpinan Pengerusi baharu yang dilantik dalam Pakatan Harapan itu sebagai menteri dan penasihat kerajaan jika mereka memenangi pilihan raya umum akan datang.

Bulan lalu, Kabinet sebulat

suara bersetuju dengan syor Pasukan Petugas Khas (PPK) bahawa terdapat keperluan suruhanjaya siasatan diraja diwujudkan bagi menyiasat krisis yang melanda BNM lebih 25 tahun lalu, kerana terdapat elemen menyembunyikan fakta sebenar kerugian bagi mengelirukan jemaah menteri dan Parlimen.

Pejabat Perdana Menteri dalam kenyataannya memaklumkan tindakan itu membuktikan komitmen dan ketulusan kerajaan bagi memastikan urusan BNM pada ketika itu dijalankan mengikut urus tadbir yang ditetapkan.

Dalam pada itu, Wan Azizah mengakui wujud perselisihan faham dalam kalangan segelintir akar umbi parti tersebut berhubung penyertaan Dr. Mahathir dalam pakatan pembangkang berkenaan.

"Ketika ini, kita semua (keempat-empat parti) setuju Dr. Mahathir dilantik sebagai Pengerusi Pakatan Harapan.

"Mereka boleh bersetuju dan tidak bersetuju, kita harus terus melihat ke hadapan," katanya.